

Perbincangan isu jambatan, Dr. M tidak perlu berterusan - Najib

Hentikan segera

Oleh **MUSTAFA KAMAL BASRI**
dan **SAYED HESHAM IDRIS**

PETALING JAYA 15 ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mahu semua pihak menghentikan secara muktamad perbincangan mengenai isu jambatan dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini kerana isu itu sudah dijawab dan dijelaskan berulang kali oleh kerajaan dan tidak perlu lagi dipanjangkan.

"Kita berharap isu ini tidak berbangkit lagi. Sepatutnya sudah ada satu *finality* (muktamad) dalam isu ini, ia tidak perlu berterusan lagi," tegasnya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Jubli Emas Jemaah Nazir Sekolah, di sini.

Najib berkata, perbincangan mengenai isu itu tidak seharusnya dibiarkan kerana ia akan menjejaskan tumpuan kepada pembangunan yang lebih diperlukan rakyat.

• PM mahu tumpu RMK-9 - Muka 2

Turut menyatakan hasrat serupa ialah Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin yang berharap kemelut antara Dr. Mahathir dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dapat ditamatkan segera.

Beliau berkata, harapan tersebut pastinya diingini oleh semua pihak termasuk rakyat agar pergolakan kerajaan sekarang dengan bekas Perdana Menteri itu diselesaikan.

"Saya berdoa agar kita bersama-sama menyelesaikan semua ini (kemelut Dr. Mahathir dan Perdana Menteri) dengan segera," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan exco-exco luar bandar di Kuching hari ini.

Mereka berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kewajaran dalam tindakan Dr. Mahathir yang masih belum berpuas hati dengan penjelasan kerajaan berhubung isu pembatalan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor.

Lihat muka 5

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Hentikan segera

Perdana Menteri semalam berkata, kerajaan tidak akan menarik balik keputusan Kabinet membatalkan projek itu, dan menegaskan keputusan itu dibuat setelah Jemaah Menteri membincangkannya secara teliti dan mengambil kira kepentingan rakyat.

Sebelum itu, media melaporkan Dr. Mahathir berkata, beliau hanya akan berhenti mengkritik kerajaan jika pembinaan jambatan itu diteruskan semula.

Selain itu, suasana turut menjadi bertambah panas dan celaru apabila para pemimpin UMNO turut mengulas mengenai isu Dr. Mahathir itu semasa majlis perasmian persidangan. parti itu hujung minggu lalu.